

Peluang sektor guaman setempat terbuka luas

Shanmugam: Pelaburan besar dalam prasarana serta penyusunan semula hutang di rantau ini akan mendorong permintaan bagi khidmat profesional, termasuk guaman

► **NUR ADILAH MAHBOB**
adilaham@sph.com.sg


PERTUMBUHAN ekonomi Asia yang dijangka terus meningkat pada masa depan, serta keyakinan terhadap kedaulatan undang-undang di Singapura, menawarkan peluang yang besar kepada sektor guaman setempat.

Ini dinyatakan Menteri Undang-Undang merangkap Ehwal Dalam Negeri, Encik K. Shanmugam semalam.

Beliau merujuk kepada dua faktor – pelaburan besar dalam prasarana serta penyusunan semula hutang di rantau ini – yang akan mendorong permintaan bagi perkhidmatan profesional, termasuk perkhidmatan guaman.

“Kami sebagai sebuah pemerintah amat memberi tumpuan dalam hal ini, dan kami bekerjasama dengan sektor privet.

“Kami telah mengambil beberapa langkah untuk memanfaatkan peluang ini, dan



PELUANG SEKTOR GUAMAN: Menteri Undang-Undang merangkap Ehwal Dalam Negeri, Encik K. Shanmugam, mengupas topik tentang peluang bagi sektor guaman setempat di Persidangan Institut Undang-Undang Asia (ASLI) ke-16 di Universiti Nasional Singapura (NUS) semalam. – Foto BH oleh KEVIN LIM

kami akan melakukan lebih banyak lagi,” ujar Encik Shanmugam.

Beliau berkata demikian semasa berucap di Persidangan Institut Undang-Undang Asia (ASLI) ke-16 di kampus Bukit Timah Universiti Nasional Singapura (NUS) semalam.

Kata Encik Shanmugam lagi, Singapura perlu terus mengukuhkan kedudukannya sebagai pusat penyelesaian pertikaian serta mem-

bangun bidang baru dalam perkhidmatan guaman untuk menjadi hab perkhidmatan guaman antarabangsa.

Selain itu, Singapura perlu membangun kepakaran mengenai sistem undang-undang Asia yang memenuhi keperluan perniagaan di Asia.

“Ini agar ahli perniagaan dapat memahami pelbagai sistem guaman, hala tuju, cara ia digunakan, dan sejauh mana ada

kesamaan,” kata Encik Shanmugam.

Oleh itu, golongan akademik boleh memainkan peranan dalam membangun kepakaran itu, ujarnya.

Pemerintah juga telah menyokong pelancaran Akademi Undang-Undang Asean di NUS tahun lalu, dan telah menokok dana bagi akademi itu.

Tujuannya adalah untuk membangun kepakaran akademik dalam pengajian undang-undang Asia, serta sistem guaman dalam negara-negara khusus.

“Ini kemudian boleh menyumbang kepada usaha membangun kepimpinan akademik bermutu tinggi mengenai sistem undang-undang di rantau ini.

“Ia juga akan membantu Singapura kemungkinan menjadi pusat guaman paling penting di rantau ini.

“Cabarannya ialah, satu hari nanti, apabila anda fikir tentang sistem guaman Asia, anda fikir tentang Singapura, tempat yang mengumpulkan semua orang,” ujar Encik Shanmugam.

Persidangan semalam dianjurkan ASLI setiap tahun, dan bertujuan memberi wadah kepada akademik guaman daripada anggota institusi itu serta dari seluruh dunia untuk membentangkan kajian serta membincangkan isu guaman.

Tahun ini, persidangan itu bertemakan ‘Kedaulatan Undang-Undang dan Peranan Undang-Undang di Asia’.

Ini merupakan kali keempat fakulti Undang-Undang NUS mewakili Singapura sebagai hos bagi persidangan tersebut.